


# MAKLUMAT PESAKIT

Ubat Untuk Merawat

Penyakit Jantung

*Agen Pencegah Pembekuan Darah*

- Aspirin**
- Dipyridamole**
- Thienopyridine**



**Medicine To Treat: Cardiac Diseases**  
*Antiplatelet Agents*

## **BERKENAAN UBAT ANDA**

Doktor anda telah menetapkan ubat untuk anda :

<b>Ubat</b>	<b>Apakah kegunaan Ubat ini?</b>	<b>Nama-nama lain</b>
Aspirin	Untuk membuat darah kurang melekit. Dengan cara demikian, iaanya mengurangkan kemungkinan terjadinya serangan angin ahmar atau jantung.	Cardiprin®, Disprin®
Dipyridamole	Untuk membuat darah kurang melekit. Sering digunakan dengan aspirin untuk mengurangkan kemungkinan terjadinya serangan angin ahmar.	Persantin®
Kumpulan Thienopyridine	Untuk membuat darah kurang melekit. Ianya boleh dimakan sendirian untuk mengelakkan terjadinya serangan jantung atau dengan aspirin.	Ticlopidine (Ticlid®), Clopidogrel (Plavix®)

## **BAGAIMANAKAH SAYA HARUS MENGAMBIL UBATINI?**

Anda harus mengambil ubat anda selepas makan untuk mengelakkan sakit perut. Jangan berhenti dari memakan ubat anda tanpa merujuk pada doktor anda terlebih dahulu.

Bergantung pada jenis ubat anda, adakalanya ubat aspirin perlu dikunyah atau dihisap sebelum menelannya. Anda mungkin juga disuruh menelannya tanpa mengunyah atau melarutkannya dalam segelas air sebelum memakannya. Sila hubungi ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti cara yang betul mengambil ubat aspirin anda.

## **APAKAH YANG SEHARUSNYA SAYA LAKUKAN SEKIRANYA SAYA TERLUPA SATU DOS?**

Pastikan anda tidak tertinggal sebarang dos. Sekiranya anda tertinggal satu dos, ambillah sejurus saja anda teringat dan teruskan jadual seperti yang diarahkan di dalam preskripsi.

Namun sekiranya ia telah menghampiri waktu bagi dos yang berikutnya, jangan makan dos yang tertinggal itu dan jangan menggandakan dos anda bagi dos yang tertinggal itu.

***Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak***

## **APAKAH KESAN SAMPINGAN YANG MUNGKIN DIALAMI UNTUK UBAT INI?**

<b>Ubat</b>	<b>Kesan-sesan sampingan Ubat</b>
Aspirin	<ul style="list-style-type: none"><li>• Reaksi alahan (bersin, saluran pernafasan tersumbat, bengkak di tekak, sesak nafas, gatal atau ruam).</li><li>• Rasa loya, masalah penghadaman atau ketidak selesaan di perut. Ini boleh dikurangkan dengan pengambilan ubat yang diselaputi "enteric" atau pil aspirin yang melindungi perut.</li><li>• Pendarahan atau lebam yang luar biasa, bunyi berdesing di telinga ataupun kencing berdarah.</li></ul>
Dipyridamole	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pitam atau pening kepala</li><li>• Kesusahan menghadam makanan dan rasa kurang enak di perut.</li><li>• Ruam</li></ul>
Thienopyridine	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ketidak selesaan di perut</li><li>• Cirit birit</li><li>• Ruam</li><li>• Jumlah darah putih atau "platelet" (sel darah pembuku) yang sedikit . Sekiranya anda mengambil "ticlopidine", doktor anda mungkin akan memerlukan anda melawatnya untuk mengambil ujian darah yang tetap.</li></ul>

Sila periksa dengan doktor anda sekiranya anda mengalami kesan sampingan yang luar biasa apabila anda memakan ubat anda.

***Buang kesemua ubat yang telah lama atau tidak diperlukan lagi***

## **APAKAH LANGKAH BERJAGA-JAGA YANG HARUS SAYA AMBIL?**

Beritahu doktor anda sekira anda hamil, sedang merancang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi.

Anda mesti merujuk pada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil apa-apa ubat (samada yang ditetapkan oleh doktor atau yang dibeli di kaunter), zat tambahan atau perubatan herba. Bahan-bahan ini mungkin akan berinteraksi dengan ubat anda.

Sekiranya anda akan menjalani pembedahan termasuk rawatan pergigian, sila beritahu doktor anda kerana ubat itu harus diberhentikan sebelum rawatan ini bagi mengelakkan kehilangan darah yang berlebihan.

## **BAGAIMANAKAH SAYA HARUS MENYIMPAN UBAT SAYA ?**

Anda harus menyimpannya dalam bekasnya sendiri dan ditutup ketat. Simpan ubat itu di tempat yang sejuk dan kering dan elakkan daripada suhu panas dan pancaran cahaya matahari.



Ministry Of Health



Printed in 2002